

## Inisiatif **SQRC Online** permudah proses Pengurusan Risiko di UNIMAS



Aplikasi **SQRC Online**

### OUR TEAM MEMBERS

**DIRECTOR :**  
PROF DR TARMUJI MASRON

**DEPUTY DIRECTOR :**  
ASSOC PROF DR LEE NUNG KION  
DR SHARIZAL HASHIM

**SNR ASSISTANT REGISTRAR :**  
DAYANG MAZINA AWANG BATU  
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

**SNR ASSISTANT ADMIN OFFICER :**  
GUSTINATA BASUAN  
ADELINE ANN LUBI

**SNR ASSISTANT INFO TECH OFFICER :**  
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

**OFFICE SECRETARY :**  
NUR AISHAH JORI

**SNR ADMIN ASSISTANT :**  
NORISA MOHAMAD SAHARI

**ADMIN ASSISTANT :**  
SITI AFIZAH JAMIL

**OPERATION ASSISTANT :**  
ROZAIMI ANIS



**Kota Samarahan :** Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko (SQRC) sentiasa berusaha menambah baik tatacara dan urusan dalam mempermudah proses pengurusan risiko di UNIMAS.

Jesteru, inisiatif terkini memperkenalkan platform **SQRC Online** dijangka akan dapat mempermudah para pengguna untuk melaksanakan proses saringan dan penilaian awal risiko program atau projek yang bakal dijalankan atau dianjurkan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj).

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JKPR) UNIMAS telah menetapkan bahawa semua aktiviti/program/projek yang dianjurkan di peringkat PTj perlu menjalani proses penilaian awal risiko.

Mesyuarat JKPR Bil. 2/2020 pada 2 Disember 2020 telah meluluskan penggunaan aplikasi **SQRC Online** ini untuk tujuan saringan dan penilaian awal risiko program/projek bagi menggantikan Borang Saringan Risiko secara manual (bercetak).

Pernyataan Dasar (Perkara 3.0 Dasar dan Tatacara Pengurusan Risiko) telah menyatakan staf UNIMAS yang diamanahkan untuk mengurus sumber mempunyai tanggungjawab bagi mengurus risiko ke tahap yang boleh diterima berdasarkan keutamaan dan/atau mengambil peluang yang berpotensi dalam;

1. Mencapai objektif PTj, Misi dan Visi UNIMAS;
2. Perlaksanaan program atau projek dengan mengambil kira faktor kos dan/atau impak ke atas kepentingan operasi, tadbir urus dan strategik Universiti.

**SQRC Online** turut menyediakan perkhidmatan penghantaran *soft copy* Laporan Pengurusan Risiko bagi menggantikan kaedah emel sementara menunggu sistem Daftar Risiko baharu yang sedang dalam proses pembangunan di SQRC.

Capaian ke **SQRC Online** boleh dilakukan dengan mengimbas kod QR atau melalui pautan <https://sqrc.ia.unimas.my/#/login?redirect=%2F>.

## UNIMAS sertai Mesyuarat Penetapan Kerangka Keberhasilan OBB Tahun 2022 bersama KPT



Mesyuarat bersama KPT dijalankan secara atas talian menerusi platform *google meet* berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19.

**Kota Samarahan :** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Bahagian Governan IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi telah mengadakan Mesyuarat Cadangan Penetapan Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) Tahun 2022 bagi Operasi Pendidikan Tinggi dan Program Hospital Pengajar.

ia diadakan pada 29 Januari 2021 yang lalu. Mesyuarat bertujuan merancang dan menyelaraskan KPI OBB Tahun 2022 di peringkat Program Operasi Pendidikan Tinggi, Program Hospital Pengajar dan aktiviti di setiap IPTA.

Pejabat Bendahari dan SQRC telah dipertanggungjawabkan mewakili UNIMAS pada mesyuarat berkenaan yang dijalankan secara atas talian berikutan keadaan pandemik Covid-19 yang masih belum reda. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Pengarah, Bahagian Governan IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.

Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1 – Bajet Berasaskan Outcome menyatakan tentang keperluan agar setiap Kementerian / Jabatan / Agensi menetapkan Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) secara tahunan supaya pemantauan dan penilaian terhadap program / aktiviti di bawah OBB boleh dibuat.

Melalui Kerangka Keberhasilan OBB tersebut, pengukuran dan penilaian terhadap tahap pencapaian sasaran prestasi dan program / aktiviti masing-masing dapat dilaksanakan.

Dalam hal berkaitan, UNIMAS turut mencalonkan penamaan Pn Zubaidah Abdul Ghani (Timbalan Bendahari), Prof Dr Tarmiji Masron (Pengarah SQRC) dan Prof Madya Dr Lee Nung Kion (Timbalan Pengarah SQRC) sebagai Urusetia di peringkat aktiviti bagi Kerangka Keberhasilan OBB Tahun 2021/2022. Pencalonan ini adalah selaras dengan para 5.4.1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia P.B 1.1 Bajet Berasaskan Outcome.

## SQRC anjur Bengkel Pengurusan Risiko

**Bengkel Pengurusan Risiko UNIMAS**  
[ 8 - 9 Februari 2021, 9.00am - 12.00pm ]

**Isnin, 8 Februari 2021**

- 9.00 am Aluan Pengarah SQRC
- 9.15 am Pengenalan Dasar Risiko UNIMAS
- 9.45 am Tatacara Pengurusan Risiko UNIMAS
- 10.45 am Sesi Perbincangan
- 11.15 am Pengenalan dan Demo SQRC Online
- 12.00 pm Bengkel Ditangguhkan

**Selasa, 9 Februari 2021**

- 9.00 am Perkongsian Pengurus Risiko 1
- 9.30 am Perkongsian Pengurus Risiko 2
- 10.00 am Perkongsian Pengurus Risiko 3
- 10.30 am Perkongsian Pengurus Risiko 4
- 11.00 am Sesi Perbincangan
- 12.00 pm Bengkel Selesai

**Kota Samarahan :** Pusat Perancangan Strategik Pengurusan Kualiti dan Risiko (SQRC) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Risiko UNIMAS yang dijalankan melalui platform *Microsoft team* pada 8-9 Februari 2021.

Bengkel dua hari itu yang disertai oleh semua Pengurus Risiko PTj menjadi platform bagi mereka untuk memberikan perkongsian pengurusan risiko di peringkat PTj serta medium diskusi dalam memantapkan lagi amalan pengurusan risiko di UNIMAS.

Terdahulu pada hari pertama, Pengarah SQRC, YBrs Prof Dr Tarmiji Masron telah menyampaikan aluan serta memberikan sepintas lalu pengenalan kepada Dasar dan Tatacara Pengurusan Risiko UNIMAS.



Pengenalan dan demo *SQRC Online* yang merupakan inisiatif terkini dalam mempermudah proses saringan dan penilaian awal risiko program/projek turut dijalankan kepada semua peserta.

Sesi perkongsian oleh Pengurus Risiko PTj pada hari kedua bengkel turut memberikan manfaat dalam meningkatkan kesedaran terhadap peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam melaksanakan tanggungjawab serta membudayakan amalan pengurusan risiko. Selain itu ia turut meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam dokumentasi dan pelaporan risiko PTj.

## UNIMAS enhanced profile kini di laman sesawang THE

## Penghantaran Data QS WUR dan AUR 2021



**Kota Samarahan :** Pihak SQRC telahpun melakukan penghantaran data QS World University Ranking (WUR), Asia University Ranking (AUR), Academic Peer List dan Employer Peer List bagi tahun 2021.

Penghantaran telah disalurkan menerusi QS hub pada 3 Februari 2021. Perbincangan bagi memuktamadkan data-data yang perlu disalurkan telah dilakukan sebelum itu.

**Kota Samarahan :** Pihak pelajar antarabangsa, media sosial dan laman Times Higher Education (THE) telah memberikan kemudahan paparan *enhanced profile* kepada UNIMAS di laman sesawang THE.

Dengan kemudahan *silver-tiered enhanced profile* ini, UNIMAS diberi kelebihan dan keistimewaan untuk paparan di laman sesawang THE antaranya video promosi, prospektus pengambilan

pelajar antarabangsa, media sosial dan laman sesawang Universiti, maklumat bidang penyelidikan serta galeri imej.

SQRC dengan kerjasama UNIMAS Global mengambil kesempatan menggunakan kemudahan ini bagi tujuan promosi global. UNIMAS *enhanced profile* boleh dicapai dengan daftar masuk ke laman sesawang THE.

Data-data yang dihantar bagi penilaian QS antaranya ialah *staff with PhD, faculty staff, international students* dan *out-bound / inbound*.



Perbincangan bersama pasukan UNIMAS Global bagi penyediaan UNIMAS *enhanced profile* di laman sesawang THE World University Ranking.



Perbincangan bagi memuktamadkan penghantaran data QS

Happy Birthday ❤️



Adeline Ann Labi  
19 Februari



# Kalendar Aktiviti



## Januari 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Laporan Pencapaian OBB - KPT	Program Operasi Pendidikan Tinggi	6/1/2021
2	Taklimat Data MyMoheS ( <i>Data Owner &amp; System Developer</i> )	Taklimat Penyediaan Data Modul Staf, RDC, Institusi cod 31.12.20	8/1/2021
3	Mesyuarat Pentadbiran SQRC	Bil.01/2021	13/1/2021
4	THE WUR 2022	<i>Participation Masterclass</i>	13/1/2021
5	Laporan Kajian Semula Pengurusan QMS MS ISO 9001:2015	Penghantaran Laporan (Jul-Dis 2020)	15/1/2021
6	Mesyuarat Cadangan Penetapan Kerangka Keberhasilan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) KPT 2022	Bahagian Governan IPTA, KPT	29/1/2021
7	Penghantaran Data MyMOHES	Modul Staf, RDC, Institusi cod 31.12.20	31/1/2021

## Februari 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	QS World University Ranking	<i>Data submission to QS hub</i>	3/2/2021
2	Academic & Employer List	<i>Submission to QS hub</i>	3/2/2021
3	Perbincangan Bersama UG	<i>THE Enhance Profile</i>	4/2/2021
4	Bengkel Pengurusan Risiko	Pengurus Risiko PTj	8-9/2/2021
5	Mesyuarat JSKU	Bil.01/2021 Ke-20	22/2/2021
6	THE Award Asia 2021	<i>Submission of nomination</i>	24/2/2021
7	Mesyuarat JK ISMS	Bil.01/2021	24/2/2021